



26 Januari 2024  
26 January 2024  
P.U. (A) 16

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN  
LABUAN (NO. 2) (PINDAAN) 2024

*FEDERAL TERRITORY OF LABUAN LAND  
(NO. 2) (AMENDMENT) RULES 2024*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
(NO. 2) (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 14 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*], sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Kanun Tanah Negara) 2009 [*P.U. (A) 454/2009*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Labuan (No. 2) (Pindaan) 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 29 Januari 2024.

**Kaedah baharu 3A**

2. Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Labuan (No. 2) 2010 [*P.U. (A) 144/2010*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 3 kaedah yang berikut:

**“Permohonan bagi pelanjutan pemberian hakmilik untuk suatu tempoh beberapa tahun di bawah seksyen 90A**

3A. (1) Tertakluk kepada perenggan 76(*a*) Kanun, tiap-tiap permohonan oleh tuan punya tanah untuk pelanjutan pemberian hakmilik untuk suatu tempoh beberapa tahun tidak melebihi sembilan puluh sembilan tahun di bawah seksyen 90A Kanun hendaklah dibuat dalam Borang 1A Jadual Pertama dan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah—

(*a*) dikemukakan dalam satu salinan;

(*b*) disertakan dengan—

- (i) fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga;
  - (ii) suatu surat kebenaran daripada tiap-tiap pihak yang mempunyai kepentingan berdaftar dalam tanah, jika ada; dan
  - (iii) dokumen hakmilik keluaran, melainkan jika dokumen hakmilik keluaran itu berada dalam milikan suatu pihak yang mempunyai kepentingan berdaftar dalam tanah; dan
- (c) ditandatangani oleh—
- (i) tuan punya berdaftar;
  - (ii) dalam hal suatu syarikat berdaftar atau badan yang diperbadankan, orang yang diberi kuasa secara sah oleh syarikat atau perbadanan itu untuk menandatangani bagi pihaknya; atau
  - (iii) dalam hal perbadanan pengurusan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*], pengerusi badan pengurusan itu.

(3) Jika pemohon gagal mematuhi subkaedah (1) atau (2), Pendaftar hendaklah menolak permohonan itu.”

### **Kaedah baharu 11A**

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 11 kaedah yang berikut:

**“Premium bagi pelanjutan tanah diberi hakmilik untuk suatu tempoh beberapa tahun**

11A. (1) Kadar premium yang hendaklah dikenakan ke atas pelanjutan tanah diberi hakmilik untuk suatu tempoh beberapa tahun di bawah seksyen 90A Kanun hendaklah sebagaimana yang berikut:

Kategori: Pertanian—

$\frac{1}{32} \times$  nilai tanah  $\times \frac{1}{99} \times$  (tempoh pegangan pajakan baharu-baki tempoh pegangan pajakan sedia ada)

Kategori: Bangunan—

(i) Kediaman—

$\frac{1}{16} \times$  nilai tanah  $\times \frac{1}{99} \times$  (tempoh pegangan baharu-baki tempoh pegangan sedia ada)

(ii) Perdagangan—

$\frac{1}{8} \times$  nilai tanah  $\times \frac{1}{99} \times$  (tempoh pegangan baharu-baki tempoh pegangan sedia ada)

(iii) Pembangunan bercampur—

$\frac{3}{32} \times$  nilai tanah  $\times \frac{1}{99} \times$  (tempoh pegangan baharu-baki tempoh pegangan sedia ada)

Kategori: Perusahaan—

$\frac{1}{8} \times$  nilai tanah  $\times \frac{1}{99} \times$  (tempoh pegangan baharu-baki tempoh pegangan sedia ada)

Bagi maksud selain di atas—

$\frac{1}{16} \times$  nilai tanah  $\times \frac{1}{99} \times$  (tempoh pegangan baharu-baki tempoh pegangan sedia ada).

(2) Jika suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 90A(1) Kanun diluluskan oleh Kerajaan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu notis dalam Borang 5A Kanun yang menghendaki pemohon membayar premium dan apa-apa bayaran lain yang kena dibayar dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis itu disampaikan dengan sewajarnya.”

**Pindaan Jadual Pertama**

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam Jadual Pertama dengan memasukkan selepas Borang 1 borang yang berikut:

**“BORANG 1A**  
KANUN TANAH NEGARA  
KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (NO. 2) 2010  
[Kaedah 3A]

**PERMOHONAN BAGI PELANJUTAN PEMBERIAN HAKMILIK UNTUK SUATU TEMPOH  
BEBERAPA TAHUN**

Pendaftar Hakmilik,

.....  
.....

Tarikh:

Tuan,

**PERMOHONAN BAGI PELANJUTAN PEMBERIAN HAKMILIK UNTUK SUATU TEMPOH  
BEBERAPA TAHUN**

Saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagai tuan punya tanah bagi tanah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual yang dilampirkan dengan surat ini, saya ingin memohon untuk pelanjutan tempoh hakmilik ini selama ..... tahun. Baki tempoh hakmilik ini ialah ..... tahun.

3. Bersama-sama ini disertakan:
- (a) fi permohonan;
  - (b) dokumen hakmilik keluaran; dan
  - (c) surat kebenaran daripada pihak yang mempunyai kepentingan berdaftar dalam tanah, jika ada.

Yang benar,

.....  
(Nama pemohon)

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN						
Bandar/ Desa	No. Lot/ PT	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan Kecil (jika ada)	No. Gadaian Berdaftar (jika ada)	Tarikh Tamat Tempoh Pajakan

”.

### Pindaan Jadual Ketiga

5. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam Jadual Ketiga dengan memasukkan selepas butiran 74 dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

Bil.	Perkara	Peruntukan Kaedah-Kaedah		Peruntukan Kanun		Fi (RM)
		Kaedah	Borang	Seksyen	Borang	
"75.	Permohonan bagi pelanjutan pemberian hakmilik untuk suatu tempoh di bawah seksyen 90A	3A	1A	90A	-	100.00".

Dibuat 15 Januari 2024

[PTG/WP(S).100-2/6/6; PTG/WPL 800/2(13); PN(PU2)213/JLD.118]

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Perdana Menteri*

## NATIONAL LAND CODE

## FEDERAL TERRITORY OF LABUAN LAND (NO. 2) (AMENDMENT) RULES 2024

IN exercise of the powers conferred by section 14 of the National Land Code [*Act 828*], as modified by the Federal Territory (Extension and Modification of National Land Code) Order 2009 [*P.U. (A) 454/2009*], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Federal Territory of Labuan Land (No. 2) (Amendment) Rules 2024**.

(2) These Rules come into operation on 29 January 2024.

**New rule 3A**

2. The Federal Territory of Labuan Land (No. 2) Rules 2010 [*P.U. (A) 144/2010*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended by inserting after rule 3 the following rule:

**“Application for extension of alienation for a term of years under section 90A**

3A. (1) Subject to paragraph 76(a) of the Code, every application by a proprietor for an extension of alienation for a term of years not exceeding ninety-nine years under section 90A of the Code shall be made in Form 1A of the First Schedule and shall be submitted to the Registrar.

(2) Every application under subrule (1) shall be—

(a) submitted in one copy;

(b) accompanied by—

(i) the fee as prescribed in the Third Schedule;

- (ii) a consent letter from every party having a registered interest in the land, if any; and
  - (iii) issue document of title, unless the issue document of title is in the possession of a party having a registered interest in the land; and
- (c) signed by—
- (i) a registered proprietor;
  - (ii) in the case of a registered company or incorporated body, a person who is legally authorized to sign on behalf of the company or corporation; or
  - (iii) in the case of a management corporation as prescribed under the Strata Titles Act 1985 [Act 318], the chairman of the management corporation.

(3) If the applicant fails to comply with subrule (1) or (2), the Registrar shall reject the application.”.

### **New rule 11A**

3. The principal Rules are amended by inserting after rule 11 the following rule:

#### **“Premium for extension of land alienated for a term of years**

11A. (1) The rate of premium to be charged upon an extension of land alienated for a term of years under section 90A of the Code shall be as follows:

Category: Agriculture—

$\frac{1}{32} \times \text{value of land} \times \frac{1}{99} \times (\text{holding period of new lease} - \text{balance of the holding period of existing lease})$

Category: Building—

- (i) Residential—  
1/16 x value of land x 1/99 x (new holding period-balance of the existing holding period)
  
- (ii) Commercial—  
1/8 x value of land x 1/99 x (new holding period-balance of the existing holding period)
  
- (iii) Mixed development—  
3/32 x value of land x 1/99 x (new holding period-balance of the existing holding period)

Category: Industry—

1/8 x value of land x 1/99 x (new holding period-balance of the existing holding period)

For purposes other than above—

1/16 x value of land x 1/99 x (new holding period-balance of the existing holding period).

(2) Where an application made under subsection 90A(1) of the Code is approved by the Government, the Registrar shall issue a notice in Form 5A of the Code requiring the applicant to pay premium and any other payments payable within three months from the date the notice is duly served.”.

**Amendment of First Schedule**

4. The principal Rules are amended in the First Schedule by inserting after Form 1 the following form:

**“FORM 1A**  
NATIONAL LAND CODE  
FEDERAL TERRITORY OF LABUAN LAND (NO. 2) RULES 2010  
[Rule 3A]

APPLICATION FOR EXTENSION OF ALIENATION FOR A TERM OF YEARS

Registrar of Titles,

.....  
.....

Date:

Sir,

**APPLICATION FOR EXTENSION OF ALIENATION FOR A TERM OF YEARS**

I refer to the above matter.

2. As the proprietor of the land as stated in the Schedule attached to this letter, I would like to apply for an extension of the term of this title for ..... years. The remaining term of the title is ..... years.

3. Attached herewith:
- (a) application fee;
  - (b) issue document title; and
  - (c) consent letter from a party having a registered interest in the land, if any.

Yours truly,

.....  
(Name of applicant)

LAND AND INTEREST SCHEDULE						
Town/ Desa	Lot No./ PT	Type and Title No.	Land Portion (if any)	Registered No. of Small Leases (if any)	Registered Charge No. (if any)	Expiry Date of Leasehold Tenure

### Amendment of Third Schedule

5. The principal Rules are amended in the Third Schedule by inserting after item 74 and particulars relating to it the following item and particulars:

Item	Subject	Provision of the Rules		Provision of the Code		Fee (RM)
		Rule	Form	Section	Form	
"75.	Application for extension of alienation for a term of years under section 90A	3A	1A	90A	-	100.00".

Made 15 January 2024

[PTG/WP(S).100-2/6/6; PTG/WPL 800/2(13); PN(PU2)213/JLD.118]

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Prime Minister*